

# PERBARISAN KOMANDAN AKADEMI TENTERA UDARA SIRI 4/18



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3361-perbarisan-komandan-akademi-tentera-udara-siri-4-18](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3361-perbarisan-komandan-akademi-tentera-udara-siri-4-18)

IPOH, 19 Apr 18 - Perbarisan Komandan ATU Ipoh Siri 4/18 telah diadakan di Padang Kawad Akademi Tentera Udara yang diketuai oleh Mej Ahmad Zamili bin Ise TUDM beserta hampir 600 orang pegawai, staf, anggota awam, pelatih serta Perajurit Muda yang berada di ATU Ipoh. Antara program yang berlangsung semasa perbarisan tersebut adalah Pemakaian Pangkat Anggota, Anugerah Jurulatih dan Staf Cemerlang serta Pelancaran Lagu Akademi Tentera Udara yang baru iaitu Cergas Berdisiplin. Komandan ATU telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota yang terlibat dalam menjayakan semua aktiviti yang dilaksanakan sepanjang bulan April antaranya Lawatan Kerja PPLU, Pertandingan Ping Pong dan Badminton serta Tilawah Al-Quran Peringkat Zon Utara.

Komandan ATU juga telah menyampaikan beberapa amanat termasuk pematuhan kepada Direktif PTU berkenaan dadah dan integriti serta berjanji akan melaksanakan tugas dengan penuh berdedikasi selagi beliau masih memegang tampuk pemerintahan Akademi Tentera Udara. Beliau menyeru kepada semua warga ATU untuk memberikan sepenuh komitmen serta kerjasama yang sewajarnya bagi merealisasikan hasrat beliau untuk memacu Akademi Tentera Udara kearah kecemerlangan.



